

22/02/2004

Tabung Harapan Ihsan Pendidikan kumpul RM900,000

KUALA LUMPUR: Tabung Harapan Ihsan Pendidikan (HIP) anjuran kumpulan Anak Sains Mara (Ansara) malam tadi berjaya mengumpul dana sebanyak RM900,000 hasil sumbangan syarikat korporat menerusi Teleton Pendidikan Kebangsaan 2004.

Semua sumbangan itu diterima Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada majlis perasmian Karnival Ansara 2004 dan Teleton Pendidikan Kebangsaan 2004 bagi mengisi Tabung HIP yang berlangsung di Dataran Merdeka.

Presiden Ansara, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata selain sumbangan secara terus daripada syarikat korporat itu, HIP juga sedia menerima sumbangan derma menerusi panggilan telefon, sistem pesanan ringkas (SMS), kiriman wang dan cek.

Beliau berkata, semua sumbangan kepada Tabung HIP akan digunakan sepenuhnya untuk menyediakan bantuan pendidikan termasuk yuran sekolah dan pusat tuisyen kepada anak-anak miskin tanpa mengira kaum dan agama.

Antara syarikat korporat yang tampil menyumbang sumbangan masing-masing ialah Celcom, Kumpulan UEM, Tenaga Nasional Berhad, Badan Kebajikan Isteri Menteri (Bakti), Persatuan Kontraktor Berwibawa, Baba's dan Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB).